

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Penjajaran semula tiga agensi lonjakkan ekonomi Bumiputera

# Penjajaran semula tiga agensi lonjakkan ekonomi Bumiputera

TERAJU, YP dan Ekuinas diberi sasaran perlu dicapai menjelang 2030

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@mediaprime.com.my

**Cyberjaya:** Tiga agensi bermaklumat Bumiputera, iaitu Unit Penjajaran Agenda Bumiputera (TERAJU), Yayasan Peneraju (YP) dan Ekuini Nasional Berhad (Ekuinas) akan dijajar semula untuk memperkasa dan melonjakkan penyertaan ekonomi Bumiputera secara strategik, mampan dan berkesan.

Antara matlamatnya adalah untuk menggandakan penyertaan syarikat Bumiputera yang berdaya tahan di Bursa Malaysia pada masa hadapan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ketiga-tiga agensi berkenaan akan diberikan sasaran yang perlu dicapai menjelang 2030 bagi membolehkan agenda memperkasakan Bumiputera diangkat seiring harapan kerajaan.

Katanya, YP perlu menyediakan 10,000 bakat Bumiputera yang bersedia untuk bersaing dan menjadi pemain industri.

TERAJU pula disasarkan untuk menyediakan kemudahan pembentukan perniagaan berjumlah RM1 bilion menerusi kerjasama dengan sektor swasta serta membina dan meningkatkan keupaya-



Rafizi bersama wakil bank yang menjadi rakan strategik pada Majlis Menskalakan Penciptaan Nilai Bumiputera di Cyberjaya, semalam. (Foto BERNAMA)

an 1,000 syarikat Bumiputera.

Ekuinas pula akan menyokong lebih banyak syarikat usahawan Bumiputera yang mempunyai rekod prestasi dan keunungan yang cemerlang.

Menerusi dana berjumlah RM800 juta, Ekuinas katanya, akan melabur bagi menyokong pertumbuhan syarikat, memastikan mereka terus berkembang dan mencapai kejayaan yang lebih besar di pasaran.

"Ini (penjajaran) adalah salah satu daripada langkah kerajaan untuk menambah laju pertumbuhan dan kejayaan syarikat yang bermutu dan berdaya tahan sehingga ke penyebaran," kata dia pada sidang media selepas menghadiri Majlis Menskalakan Penciptaan Nilai Bumiputera, di

sini, semalam.

Mac lalu, Pengurus Bursa Malaysia Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar dilaporkan sebagai berketahuan bahawa 97 syarikat yang tersemara dalam tempoh tiga tahun lalu hanya sebuah yang mewakili syarikat Bumiputera.

#### Fokus baharu

Rafizi berkata, penjajaran semula tiga agensi di bawah kementeriannya itu juga supaya tidak lagi memfokuskan kepada pembangunan awal Bumiputera.

Katanya, tiga agensi itu kini mempunyai fokus baharu ke arah pemerkaan lanjut pendidikan, keusahawanan dan ekonomi Bumiputera.

"Sudah tiba masanya Bumipu-

teria diangkat ke peringkat yang lebih tinggi dengan lebih serius, manakala soal pembangunan awal Bumiputera dalam pendidikan, sosial dan keusahawanan mikro dilaksanakan agensi lain seperti Majlis Amanah Raya (MAR) dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB).

"Ia akan dijalankan melalui kerjasama pintar dan inovatif antara sektor awam dan swasta, sejarah dengan prinsip Kerajaan MADANI yang memberikan keutamaan kepada inklusiviti, keberkesan dan kelestarian.

"Penjajaran semula strategi ketiga-tiga agensi itu juga dilaksanakan selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan melalui sesi libat-

urus yang sudah dijalankan awal tahun ini," katanya.

Rafizi berkata, YP, TERAJU dan Ekuinas kelak akan memainkan peranan yang khusus di dalam ekosistem keusahawanan Bumiputera.

"YP berfokus kepada pembangunan bakat untuk meningkatkan kelas pencipta nilai Bumiputera, sementara TERAJU akan bertindak sebagai super-scalar dalam memacu pertumbuhan dan memperluaskan skala syarikat Bumiputera ke tahap lebih tinggi dan kompetitif di arena global.

"Ekuinas pula akan terus memacu penciptaan kekayaan dan pembentukan ekonomi Bumiputera melalui pemilikan ekuiti korporat," katanya.